



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.91/ 2018

SPR PAMER 32,163 NAMA PEMILIH UNTUK SEMAKAN DAN PENGESAHAN BERSAMA DENGAN PAMERAN RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN SUKU KETIGA TAHUN 2018

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa mulai **30 Oktober hingga 12 November 2018**, SPR akan mempamerkan sejumlah **32,163** nama pemilih yang kad pengenalan mereka berstatus tidak aktif dalam rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sejak beberapa tahun tetapi nama mereka masih terdapat dalam daftar pemilih. Nama-nama tersebut memerlukan pengesahan oleh pemilih, waris atau saksi yang mengenali pemilih berkenaan bagi tujuan pengemaskinian daftar pemilih.
2. Pemilih, waris atau saksi yang mempunyai maklumat dan berhasrat membuat pengesahan status pemilih yang tersenarai, adalah dinasihatkan untuk hadir ke mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan untuk mengisi Borang Maklum Balas Semakan Daftar Pemilih. Sekiranya pengesahan adalah ke atas pemilih yang telah meninggal dunia, pemaklum perlu membuat akuan bersumpah dan disertakan bersama dengan borang maklum balas tersebut. Maklum balas berkenaan boleh dikemukakan sehingga **31 Disember 2018**.
3. Di samping itu, pada tarikh yang sama, SPR juga akan mempamerkan Rang Daftar Pemilih Tambahan Suku Ketiga Tahun 2018 (ST3/2018). Sepanjang tempoh urusan pendaftaran pemilih bagi Suku Ketiga Tahun 2018, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima sebanyak **15,933 permohonan pendaftaran pemilih**

baru daripada warganegara yang layak dan **7,044** permohonan pertukaran bahagian pilihan raya daripada pemilih berdaftar.

4. Selaras dengan peruntukan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) bagi **ST3/2018** akan **dipamerkan** selama **14 hari** mulai **30 Oktober hingga 12 November 2018** di **956** tempat-tempat pameran di seluruh Negara seperti di Lampiran.

5. Pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baharu dan pemilih berdaftar yang memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai 1 Julai 2018 hingga 30 September 2018 dinasihatkan untuk menyemak nama mereka dalam Rang DPT ST3/2018. Sekiranya pemohon mendapati namanya tidak disenaraikan dalam Rang DPT ST3/2018, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** melalui **Borang B**.

6. Bagi pemilih-pemilih berdaftar di satu-satu bahagian pilihan raya yang hendak membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama mana-mana orang di dalam Rang DPT ST3/2018 dalam satu-satu bahagian pilihan raya, boleh berbuat demikian, dengan mengisi **Borang C**.

7. Tuntutan atau Bantahan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pemilih (Pengarah Pilihan Raya Negeri) bagi kawasan pendaftaran yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja sepanjang tempoh pameran Rang DPT itu diadakan.

8. Semasa tempoh Pameran Rang DPT ST3/2018, SPR juga mempamerkan nama-nama pemilih yang akan dikeluarkan daripada daftar pemilih kerana tidak lagi layak untuk terus kekal dalam daftar pemilih tersebut selaras dengan Peraturan 10 dan 25(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Antara asas SPR mengeluarkan nama pemilih berkenaan adalah kerana mereka telah meninggal dunia atau hilang taraf kewarganegaraan.

9. Sehubungan dengan itu, SPR menyeru kepada semua pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baru dan pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai 1 Julai 2018 hingga 30 September 2018 supaya membuat semakan nama mereka di tempat-tempat yang diwartakan.

10. Sebarang pertanyaan mengenai pameran senarai nama pemilih untuk semakan serta pengesahan dan Rang DPT ST3/2018 boleh menghubungi Ibu Pejabat SPR melalui nombor telefon **03-8892 7018** atau menghubungi mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri. Pemohon juga boleh melayari portal SPR di www.spr.gov.my atau menerusi aplikasi telefon pintar **MySPR Semak** untuk menyemak senarai nama yang dipamerkan dalam Rang DPT ST3/2018.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 29 Oktober 2018 / 20 Safar 1440H

LAMPIRAN

JUMLAH TEMPAT-TEMPAT PAMERAN RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN (RDPT) SUKU KETIGA TAHUN 2018

BIL.	TEMPAT	JUMLAH TEMPAT
1	Pejabat Pilihan Raya Negeri	15
2	Pejabat Pos Berkomputer	434
3	Kompleks/ Pejabat Kerajaan	88
4	Pejabat Daerah/ Pejabat Tanah	170
5	Majlis Daerah/ Perbandaran	64
6	Dewan Serbaguna/ Rukun Tetangga/ Balai raya/ Penghulu/ Dewan	172
7	Lain-lain tempat	13
	JUMLAH	956